

TEKS PERASMIAN

**YBHG. DATO' HJ ABDUL FATTAH HJ
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

SEMINAR KOPERATOR WANITA: PEMANGKIN PEMBANGUNAN KOPERASI WANITA DI MALAYSIA

**PADA 21 JANUARI 2017, DI HOTEL
GEORGETOWN CITY, PULAU
PINANG**

Bismilahirrahmanirahim

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, Salam Sejatera
dan Salam 1 Koperasi

Yang Dihormati Saudara
Pengacara Majlis

YBrs. Tn Shaik Ismail Md Allapichay,
Pengerusi Jawatankuasa
Perhubungan ANGKASA Pulau

Pinang dan Barisan Ahli-Ahli
Jawatankuasanya

**(SALUTASI TERKINI AKAN
DILETAKKAN DI ATAS TEMPAT
UCAPAN SEMASA HARI KEJADIAN)**

Ketua-Ketua Jabatan Pembentang-Pembentang Kertas Kerja

Pegawai-Pegawai ANGKASA Negeri, Datuk-Datuk dan Datin-

Datin, Dif-Dif Jemputan, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Saya Hormati Sekelian.

1. Marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat

llahi kerana dengan limpah kurnia
dan rahmat-Nya pada hari
berbahagia ini, dapat kita sama-
sama berhimpun di dewan yang
indah ini bagi merasmikan
Seminar Koperator Wanita:

Pemangkin Pembangunan Koperasi Wanita di Malaysia.

2. Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pak Shaik, Penggerusi JPAN Pulau Pinang dan barisan

ahli Jawatankuasa JPAN Pinang kerana sudi menjemput saya untuk bersama-sama dalam majlis yang dianjurkan ini dan seterusnya menyampaikan sedikit ucapan.

3. Saya merasa bangga dengan usaha dan pengiktirafan yang diberikan JPAN Pulau Pinang kepada koperator wanita melalui seminar ini yang bertujuan memberi pendedahan peluang-peluang pembangunan diri,

keluarga dan masyarakat. Harapan saya semoga lebih banyak program pembangunan wanita dapat dianjurkan ANGKASA Negeri bagi memperkasakan golongan yang

menjadi tulang belakang gerakan koperasi di negara ini.

Hadirin dan Hadirat Yang Dihormati Sekalian

5. Di Malaysia 40 peratus daripada 8 juta ahli koperasi adalah wanita. Mereka pengguna dan tenaga kerja utama sektor koperasi. Di peringkat kepimpinan koperasi penglibatan golongan ini dalam

sekitar dua (2) peratus yang masih memerlukan pemerkasaan daripada ANGKASA, SKM dan badan-badan yang mempunyai kaitan dengan golongan ini. Penglibatan golongan ini sangat penting di peringkat pembuat

keputusan untuk menyuarakan kehendak mereka dan supaya 'suara' mereka didengari.

6. Wanita sebagai komuniti penting yang turut memainkan peranan penting dalam

memajukan gerakan koperasi di negara ini, sentiasa diberi keutamaan ANGKASA dalam agenda pembangunannya menerusi program latihan dan pendidikan yang dijalankan. Ini bagi memperkasakan kelompok

ini supaya terus memberi sumbangan yang singnifikan kepada gerakan koperasi.

7. Mengambil tanggungjawab ini, ANGKASA melalui Unit Wanita sepanjang 2016 memberi

tumpuan memperkasakan perniagaan koperasi wanita dan koperator wanita melalui pendedahan kepada peluang-peluang perniagaan, pembangunan diri, keluarga dan masyarakat bagi meningkatkan

pendapatan koperasi dan koperator wanita yang seterusnya akan turut menyumbang kepada pendapatan negara. Program pemerkasaan wanita ini juga bertujuan untuk membantu meningkatkan produktiviti

koperasi serta melahirkan lebih ramai koperator yang berkualiber untuk menjadi pemimpin koperasi dan pembuat keputusan.

8. Sehingga Jun 2016,
dianggarkan terdapat 246 buah

koperasi wanita yang berdaftar SKM dengan keanggotaan melebihi 31,000 orang. Bagi tahun 2014, ANGKASA melalui pelbagai program telah berjaya melatih 2,849 orang koperator wanita manakala pada tahun

2013, 18,561 orang telah mendapat pendidikan dari ANGKASA. Saya menyeru lebih ramai koperator wanita dan koperasi wanita menyertai kursus-kursus TASKA seperti Kursus

Asuhan PERMATA yang dianjurkan
ANGKASA.

9. ANGKASA akan sentiasa merancang dan melaksanakan seminar dan bengkel ke arah melahirkan koperator wanita

yang berilmu, berketrampilan serta mempunyai keyakinan diri yang tinggi di dalam menjalani kehidupan serta membangunkan koperasi yang berdaya maju serta berdaya saing.

Hadirin dan Hadirat Yang Dihormati Sekalian

10. Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, sangat prihatin akan usaha memperkasakan peranan wanita

sebagai penggerak ekonomi negara. Yang Amat Berhormat menyeru supaya sektor swasta/koperasi turut meningkatkan penyertaan wanita dalam jawatan peringkat tertinggi seperti Ketua Pegawai

Eksekutif dan anggota lembaga pengarah. Beliau juga menyarankan syarikat korporat "membuka mata" untuk menilai kebolehan wanita dari sudut yang lebih signifikan.

11. Dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK – 11), langkah yang lebih proktif diambil untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam pelbagai peringkat di sektor awam dan swasta, termasuk bidang keusahawanan.

Hasrat ini dilihat relevan untuk dicapai. Hal ini dikatakan demikian kerana pada masa ini, bilangan usahawan wanita yang mendaftar dengan beberapa buah petubuhan atau persatuan tempatan, khususnya yang

berkaitan bidang keusahawanan semakin meningkat.

12. Sebagai mengakhiri ucapan, saya mengucapkan terima kasih kepada para peserta, gunakan peluang ini sebaik-

baiknya untuk menambahkan pengetahuan dan membuat perubahan.

13. Saya dengan lafaz bismillahirrahmanirahim merasmikan **SEMINAR KOPERATOR**

WANITA: PEMBANGUNAN WANITA DI MALAYSIA.

**PEMANGKIN
KOPERASI**

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufiq Walhidayah

Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.